

## MICCOS 2011 PAMER PENCAPAIAN INDUSTRI KOMODITI



Rajah 1. Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah Pekebun Kecil Terbaik kepada Tn Hj Abdul Wahab Ismail (paling kiri) sempena MICCOS 2011 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

### KANDUNGAN

- MICCOS 2011 Pamer Pencapaian Industri Komoditi 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - Perangkap Lekat untuk Memerangkap Ulat Bungkus Metisa plana di Ladang Sawit 4
- Kenalilah... Ulat Bungkus 7
- Kuiz Sawit 9
- Sudut Kreatif Sawit 10
- Sembang Sawit 10
- Sedutan Akhbar 11
- Tahukah Anda? 13
- Diari & Peristiwa 15
- Berita Bergambar 16
- Profil Komoditi 18
- Peladang Jaya 20
- Direktori MPOB 22
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 26




Merangka dan Persidangan Antarabangsa Komoditi Malaysia 2011 atau *Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) 2011* yang dianjurkan setiap dua tahun sekali oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah diadakan selama tiga hari iaitu dari 28 hingga 30 Oktober 2011 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS). Ia merupakan platform untuk mempamerkan pencapaian industri komoditi dan program perladangan negara. MICCOS 2011 telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 29 Oktober 2011.

Tan Sri Muhyiddin semasa berucap merasmikan MICCOS 2011 berkata kerajaan telah melaksanakan inisiatif untuk mentransformasikan ekonomi dan pentadbiran negara bertujuan menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ianya meliputi pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Melalui Program ETP, kerajaan telah mengenal pasti 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), yang turut merangkumi komoditi sawit dan getah. Manakala di bawah NKEA, sebanyak lapan Projek Permulaan

*Bersambung ke muka surat 2*

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.



## Sidang Pengarang

PENASIHAT  
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI  
Hj Ahmad Sidek Stroo

TIMBALAN PENERUSI  
Hj Idris Omar

KETUA PENYUNTING  
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING  
Hj Ahmad Tarmizi Mohammed  
Hj Wahid Omar  
Hj Suboh Ismail  
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali  
Dr Ahmad Tarmizi Hashim  
Ab Aziz Md Yusof  
Hj Che Johari Mamat  
Hj Mohd Azmi K Ismail  
Mazlan Mustaffa  
Noor Asmawati Abd Samad

SETIAUSAHA  
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

(Entry Point Project EPP) telah dikenal pasti bagi mengukuhkan lagi industri sawit. Sumbangan industri sawit kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) menjelang tahun 2020 disasarkan sebanyak RM 178 bilion dengan potensi mewujudkan 123 000 peluang pekerjaan baru.

Usaha kerajaan memajukan tanaman komoditi seperti sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf dan sagu melalui peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi menjana pendapatan nilai tambah setiap komoditi yang terlibat. Sehingga kini, sebanyak 600 inovasi dan penemuan baru berjaya dibangunkan dan 30% daripadanya telah berjaya dikomersialkan.

Bagi meneruskan kecemerlangan sektor ini, kerajaan baru-baru ini meluluskan Dasar Industri Komoditi Negara bagi tempoh 2011-2020. Dasar ini khusus bagi sektor komoditi dan perladangan yang mana digubal sebagai hala tuju untuk memperkukuhkan lagi peranan dan sumbangan industri kepada pertumbuhan ekonomi negara. Tumpuan dasar tersebut termasuk pembentukan jaringan kerjasama penyelidikan dan

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Strategi ke arah meningkatkan kemampanan, daya saing dan seterusnya menambah pendapatan industri sawit kini terus diberi tumpuan oleh pemimpin negara. Industri minyak sawit Malaysia dilihat penting kerana dijangka berupaya menyumbang sejumlah RM 178 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada 2020. Industri sawit merupakan salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), justeru menjadikan ia salah satu industri utama yang menerajui Program Transformasi Ekonomi (ETP) kerajaan.

Salah satu usaha yang dijalankan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi mencapai matlamat seperti yang disasarkan ialah dengan memastikan semua pengusaha sawit termasuk pekebun kecil sawit mempunyai pendidikan dan kemahiran dalam pengurusan tanaman sawit. Ini bagi memastikan mereka dapat mengamalkan Amalan Pertanian Baik di kebun sawit mereka.

Beberapa aktiviti telah dan sedang dilaksanakan oleh MPOB untuk membantu pekebun kecil menambah pengetahuan dan kemahiran. Antaranya ialah penganjuran Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) yang diadakan setiap tahun. Menerusi program tersebut, pengusaha sawit termasuk pekebun kecil didedahkan kepada pelbagai maklumat dan teknologi terkini berkaitan tanaman sawit. Pada Seminar ToT 2011, sebanyak 25 teknologi dan 14 perkhidmatan telah ditawarkan. Antara teknologi yang sesuai kepada pekebun kecil adalah kaedah mengawal serangan ulat bungkus Metisa plana di ladang sawit menggunakan perangkap pelekat yang mudah dilaksanakan, berkesan, murah serta mesra alam berbanding kaedah menggunakan racun kimia. Teknologi ini telah dimuatkan dalam Warta Sawit keluaran kali ini. Teknologi lain TOT 2011 adalah pembajaan berkesan untuk sawit matang di kawasan tanah alluvial, pengawalan serangan anai-anai di kawasan gambut menggunakan kaedah pengurusan paras air di ladang dan jentera cage-wheel untuk kegunaan di tanah gambut.

MPOB menyampaikan teknologi kepada pekebun kecil melalui pelbagai kursus, ceramah, latihan praktikal, petunjuk kaedah dan lawatan sambil belajar. Melalui usaha yang dijalankan oleh MPOB ini adalah diharapkan pekebun kecil akan lebih berpengetahuan dan berkemahiran sekaligus mencapai peningkatan produktiviti sawit.

Sambungan dari muka surat 2



Rajah 2. Sebahagian pekebun kecil yang menyertai Seminar Pekebun Kecil sempena MICCOS 2011 pada 29 Oktober 2011 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

pembangunan bagi meningkatkan produktiviti, pemodenan industri yang berfokuskan kepada penggunaan teknologi dan inovasi terkini dan penghasilan produk baru bernilai tambah tinggi yang berupaya memenuhi kehendak pasaran.

Semasa majlis perasmian program ini juga, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menyampaikan anugerah berkaitan penyelidikan dan pembangunan industri komoditi negara. Salah satu anugerah yang disampaikan ialah Anugerah Pekebun Kecil Terbaik kepada Tn Hj

Abdul Wahab Ismail yang telah mencapai hasil buah tandan segar (BTS) sebanyak 37.8 t/ha/thn. Beliau juga merupakan Ahli Kelab 30 Tan MPOB.

Seramai 3500 pekebun kecil yang berdaftar dengan Pusat TUNAS MPOB dari seluruh Semenanjung Malaysia telah dibawa menyertai program MICCOS 2011. Pekebun kecil terlibat telah berpeluang menghadiri Seminar Pekebun Kecil serta melawat gerai-gerai pameran yang dianjurkan oleh MPIC.



Sumbangan:  
Nur Hanani Mansor  
(nurhanani@mpob.gov.my)  
dan  
Che Johari Mamat  
(mjohari@mpob.gov.my)

## SUDUT TEKNOLOGI

### PERANGKAP LEKAT UNTUK MEMERANGKAP ULAT BUNGKUS *Metisa plana* DI LADANG SAWIT

Perangkap lekat adalah cara yang mudah untuk memerangkap serangga perosak yang berterbangan. Ulat bungkus merupakan perosak utama bagi tanaman sawit. Rama-rama jantan yang berterbangan akan mencari betina untuk mengawan. Betina dewasa pula tidak boleh terbang dan hanya hidup di dalam sarung kepompong yang tergantung di bawah daun sawit. Sebagai strategi kawalan alternatif, rama-rama jantan ini boleh diperangkap dalam bilangan yang banyak untuk mengawal aktiviti mengawan dan bertelur, sekaligus mengurangkan bilangan populasi ulat bungkus untuk generasi yang berikutnya.


#### Kaedah Pemerangkapan

Peringkat akhir larva ulat bungkus (contoh: *Metisa plana*), boleh dikumpulkan dari ladang dan dipelihara serta dipantau di makmal sehingga bertukar menjadi kepompong, seterusnya menjadi betina dewasa. Betina dewasa yang matang akan mengeluarkan bau feromon bagi menarik rama-rama jantan untuk mengawan. Peringkat betina matang ini boleh digunakan sebagai umpan pada perangkap lekat yang berbentuk kekipas (*vane*). Seekor betina boleh digantung pada bahagian tengah setiap sanding perangkap lekat bagi memerangkap rama-rama jantan dalam jumlah yang banyak.

#### Penentuan Ulat Bungkus Betina yang Matang

Peringkat akhir larva ulat bungkus *M. plana* (peringkat 6 atau 7) (*Rajah 1*) boleh dikumpul di ladang dan dipelihara pada kepingan daun sawit yang telah dipotong dalam sangkar plastik berbentuk silinder. Apabila sudah menghampiri peringkat kepompong, larva akan bergerak ke bahagian bumbung sangkar untuk berehat sebelum berubah menjadi kepompong yang mempunyai hujung bercangkuk (*Rajah 2*). Kepompong betina adalah lebih besar berbanding kepompong jan-

tan. Tempoh perkembangan dari peringkat kepompong ke betina dewasa yang matang adalah kira-kira 11 hari. Penunjuk bagi kematangan betina ini boleh diperhatikan pada bukaan bahagian hadapan sarung kepompong (*Rajah 3*), diikuti dengan lakuan keluar-masuk kepala betina pada bahagian bukaan sarung kepompong tersebut (*Rajah 4*). Pada waktu ini, betina akan mengeluarkan bau feromon yang menarik rama-rama jantan untuk mengawan. Secara purata, betina akan mengeluarkan feromon sehingga 9 hari. Apabila selesai peringkat matang ini, bukaan pada sarung kepompong akan mula mengecil atau menutup.



Rajah 1. Peringkat akhir larva ulat bungkus *Metisa plana*.



Rajah 2. Peringkat kepompong betina *Metisa plana*.



Rajah 3. Bukaan pada bahagian hadapan sarung kepompong *Metisa plana*.

Bersambung ke muka surat 5

Sambungan dari muka surat 4



Rajah 4. Kepala betina yang keluar masuk pada bukaan tersebut.

### Pemasangan Perangkap Lekat

Perangkap lekat ini diperbuat dari dua kepingan zink atau plastik empat segi bersaiz 30 cm × 30 cm dengan menyisipkan kedua-duanya hingga menjadi seperti bentuk kekipas. Perangkap akan disembur dengan gam polibutena terlebih dahulu. Setiap perangkap diumpan dengan empat ekor betina matang. Perangkap lekat ini kemudiannya digantung pada pancang kayu sepanjang 2 m di kawasan pokok tua yang tinggi atau terus digantung pada pelepah pokok muda yang rendah.

Dalam satu kajian di Teluk Intan, Perak, sebanyak 30 perangkap telah digunakan bagi 1 ha plot kawasan yang diserang ulat bungkus. Sepuluh perangkap diletakkan dalam satu garisan transek di sebelah lorong tuai (Rajah 6). Jarak antara perangkap dianggarkan 20 m. Sebuah plot tanpa perangkap ditetapkan pada jarak kira-kira 100-200 m dari kawasan pemerangkapan tersebut. Bancian ulat bungkus dilakukan ke atas plot yang ada perangkap dan tanpa perangkap bagi melihat kesan dari kaedah pengawalan yang dilakukan.



Rajah 5. Tangkapan rama-rama yang banyak bagi sebuah perangkap lekat.



Rajah 6. Perangkap lekat yang digantung pada pancang kayu bagi pemerangkapan di kawasan pokok tinggi.

### Kesan Pemerangkapan terhadap Populasi Ulat Bungkus

Purata bilangan larva dan kepompong yang hidup didapati berkurangan selepas setiap kali pemerangkapan dilakukan. Ini menyokong keputusan sebelumnya bahawa peratusan betina yang bertelur berkurangan sebanyak 50% di kawasan pemerangkapan sekali gus mengurangkan populasi ulat bungkus pada generasi berikutnya. Perbezaan ini sangat ketara di antara kawasan pemerangkapan dan kawasan tanpa perangkap. Bilangan tertinggi larva/kepompong hidup adalah pada kawasan tanpa perangkap, di mana ia telah meningkat sehingga 70 larva/kepompong hidup per pelepah berbanding di kawasan pemerangkapan iaitu kurang daripada 30 larva.

### Penilaian Ekonomik

Perangkap lekat ini diperbuat daripada bahan yang murah seperti zink/plastik dan gam polibutena. Kos bagi membuat satu unit perangkap adalah kira-kira RM 8.00. Pada kadar 40 perangkap ha, kos pemerangkapan untuk tiga pusingan adalah RM 435.00 dan 35% lebih murah dari kos menyuntik racun sebanyak tiga pusingan (RM 666.00) (Jadual 1).

Bersambung ke muka surat 6

Sambungan dari muka surat 5

### JADUAL 1. PERBANDINGAN KOS ANTARA PERANGKAP LEKAT DAN SUNTIKAN BATANG UNTUK TIGA PUSINGAN KAWALAN ULAT BUNGKUS

Rawatan	Kos rawatan (RM)			
	Pusingan 1	Pusingan 2	Pusingan 3	Jumlah
Perangkap lekat	305	65	65	435
Suntikan batang	222	222	222	666

#### Kesimpulan

Pemerangkapan rama-rama ulat bungkus dapat menyumbang dalam program kawalan perosak bersepadu (IPM) dengan mengurangkan populasi ulat bungkus peringkat dewasa jantan dan seterusnya populasi ulat bungkus pada generasi berikutnya. Penggunaan perangkap ini adalah murah dan mudah dikendalikan di ka-

wasan pekebun kecil. Ini kerana perangkap mudah dibuat dengan hanya menggunakan bahan yang murah. Pemerangkapan akan mengurangkan kebarangkalian mengawan ulat bungkus dan penetasan telur selain membantu mengurangkan populasi ulat bungkus pada generasi berikutnya. Pemerangkapan juga dapat mengurangkan penggunaan racun kimia dan ini baik untuk pemuliharaan alam sekitar.



Sumbangan:  
Dr Norman Kamarudin  
(norman@mpob.gov.my)

## Sudut Renungan

Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

T iada seorang Muslim pun yang bertani, lalu hasil pertaniannya dimakan oleh burung atau manusia atau binatang, melainkan dia akan menerima pahala di atas hal itu.

(Riwayat Imam Ahmad)



## KENALILAH... ULAT BUNGKUS

Ulat bungkus merupakan ulat perosak utama tanaman sawit di Malaysia dan telah menjadi ancaman kepada industri sawit sejak 1960-an lagi. Ulat bungkus mudah merebak dari pokok ke pokok melalui pertindihan pelepah, jentera ladang, angin dan sebagainya. Larva ulat bungkus akan memakan daun sawit dan menyebabkan lubang kecil terbentuk (*Rajah 1*).

Daun yang dimakan akan menjadi kering dan reput. Kerosakan daun sawit antara 10% hingga 50% akan mengurangkan hasil sehingga 43%. Peringkat di mana ulat bungkus ini aktif memakan daun sawit adalah peringkat larva. Larva ulat bungkus ini membesar di dalam sarung atau bungkus yang juga diperbuat daripada cebisan daun sawit. Sebelum matang, larva ulat bungkus ini akan bertukar menjadi pupa atau kepom-

pong. Semasa peringkat kepompong, ulat bungkus ini berehat dan tidak lagi memakan daun sawit. Kepompong betina akan matang di dalam bungkusnya manakala kepompong jantan akan matang menjadi rama-rama kecil yang bebas terbang meninggalkan bungkusnya.

Terdapat beberapa spesies ulat bungkus yang biasa dijumpai di ladang sawit seperti *Metisa plana*, *Pteroma pendula* dan *Mahasena corbetti*. Di Semenanjung Malaysia, *M. plana* dan *Pteroma pendula* merupakan ulat bungkus yang paling banyak dan serius serangannya manakala *Mahasena corbetti* banyak dilaporkan di Sabah dan Sarawak. Ulat bungkus ini sangat mudah dikenal pasti berdasarkan ciri berikut (*Jadual 1*):




*Rajah 1.* Kerosakan pada daun sawit disebabkan serangan ulat bungkus.


**JADUAL 1. CIRI-CIRI ULAT BUNGKUS *Metisa plana*, *Pteroma pendula* DAN *Mahasena corbetti***

Ciri-ciri	Spesies ulat bungkus		
	<i>Metisa plana</i> ( <i>Rajah 2</i> )	<i>Pteroma pendula</i> ( <i>Rajah 3</i> )	<i>Mahasena corbetti</i> ( <i>Rajah 4</i> )
Panjang bungkusan kepompong	10-15 mm	8-10 mm	40-50 mm
Bentuk bungkusan kepompong	Hujung penyambung berbentuk cangkuk yang melekat di bawah daun	Berbentuk curut, tergantung di bawah daun dengan benang sutera panjang	Besar, melekat di bawah permukaan daun
Jumlah telur yang dihasilkan oleh betina	100-300 biji	65 biji	2000-3000 biji
Tempoh kitar hidup	90 hari	40 hari	120 hari


Sambungan dari muka surat 7



Rajah 2. Larva dan kepompong *Metisa plana*.



Rajah 3. Larva dan kepompong *Pteroma pendula*.



Rajah 4. Larva dan kepompong *Mahasena corbetti*.

Serangan ulat bungkus boleh dikawal dengan berkesan menggunakan agen kawalan biologi seperti semburan produk berasaskan bakteria *Bacillus thuringiensis* dan penanaman pokok bermanfaat seperti *Cassia cobanensis* mempunyai nektar atau madu yang berfungsi sebagai sumber makanan untuk menarik musuh semulajadi ulat bungkus yang terdiri daripada serangga pemangsa dan juga parasitoid.

Parasitoid seperti *Brachymeria lugubris*, *Dolichogenidea metesae*, *Eurytoma* sp., *Goryphus bunoh*, *Elasmus* sp., *Pediobius varius*, *P. narius* dan *P. imbreus* merupakan serangga kecil yang boleh menyuntik telur ke dalam ulat bungkus manakala pemangsa seperti *Sycanus dichotomus* dan *Cosmolestes picticeps* adalah serangga yang menghisap cairan badan ulat bungkus. Penggunaan bakteria *B. thuringiensis* pula akan menyebabkan ulat bungkus mati dalam masa tiga hingga tujuh hari disebabkan kerosakan pada sistem penghadamannya. Produk *B. thuringiensis* ini tidak merbahaya kepada manusia, haiwan dan musuh semulajadi ulat bungkus. Selain itu, ia juga merupakan produk yang mesra alam.

MPOB juga mempunyai teknologi perangkap feromon untuk mengawal serangan ulat bungkus. Penggunaan racun kimia secara berterusan untuk mengawal ulat bungkus akan menyebabkan serangan yang lebih serius pada masa akan datang. Tambahan lagi, ia akan memberi kesan yang negatif kepada manusia, serangga berfaedah dan juga alam sekitar. Kawalan menggunakan agen biologi adalah lebih selamat dan mampu mengawal serangan ulat bungkus untuk jangka masa panjang.



Sumbangan:  
Mohd Mazmira Masri  
(mazmira@mpob.gov.my)

## ????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100.00 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat penyertaan

- Terbuka kepada semua pembaca *Warta Sawit* kecuali warga kerja dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau komputer;
- Tarikh tutup penyertaan pada **30 April 2012**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas dan lengkap kepada:

Kuiz Warta Sawit  
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
*u/p: Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin*  
Unit Pengembangan dan Latihan  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

1. Senaraikan dua teknologi baru yang diperkenalkan semasa Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2011 (*MPOB Transfer of Technology 2011*) yang sesuai diguna pakai oleh pekebun kecil sawit.
2. Namakan perosak tanaman keledak dan racun yang digunakan bagi mengawalnya?
3. Berapakah anggaran pendapatan bersih yang boleh diperolehi daripada penanaman keledak secara integrasi dengan sawit semusim (3 bulan) sehektar?
4. Berapakah keluasan kawasan sawit yang minimum untuk mengawal serangan ulat bungkus secara semburan udara menggunakan produk Ecobac-1 (EC)?
5. Apakah sikap positif En Morgan Sanda bagi mendapatkan hasil BTS tahunan yang tinggi?

**\*DAPATKAN JAWAPAN UNTUK SOALAN KUIZ BERDASARKAN ARTIKEL  
DALAM WARTA SAWIT BIL. 48 (1)/MEI-OGOS 2011.**



## KEK LOBAK PISANG



### Bahan

90 g	gula perang
2	biji telur
125 ml	minyak masak sawit
150 g	tepung gandum
2	camca teh serbuk penaik
1	camca teh soda bikarbonat
125 g	lobak merah, diparut
3 biji	pisang masak, dilenyek
90 g	kismis
	Gula aising untuk hiasan

### Cara Membuat

1. Pukul gula perang, telur dan minyak masak hingga kembang.
2. Ayak tepung gandum bersama serbuk penaik dan soda bikarbonat.
3. Masukkan tepung yang telah diayak tadi ke dalam adunan telur sedikit demi sedikit sambil diselang seli dengan lobak parut, pisang yang telah dilenyek dan kismis.
4. Kacau campuran dengan rata.
5. Masukkan adunan ke dalam loyang pembakar

yang telah disapu sedikit marjerin dan ditabur sedikit tepung di atasnya.


6. Bakar dalam ketuhar pada suhu 180 C selama 35-40 min atau sehingga masak.
7. Keluarkan kek dari ketuhar dan sejukkan.
8. Keluarkan kek dari acuan pembakar dan ayak gula aising di atas kek untuk hiasan.
9. Potong kek untuk dihidangkan.

### PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar bahan sumbangan bagi Sudut Kreatif Sawit. Bahan sumbangan boleh meliputi resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar bersama keterangan yang lengkap. Pembaca juga hendaklah menyertakan nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Sumbangan yang terpilih dan tersiar dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB

Sumber: NOR AINI IDRIS (2005). *Seri Sawit - Koleksi Resepi dari Berita Sawit*. MPOB, Bangi, Selangor.

## SEMBANG SAWIT



# SEDUTAN AKHBAR

**Tajuk : PENGILANG MINYAK SAWIT DISARAN BINA LOJI BIOGAS**

**Tarikh : Harian Ekspres, 22 Oktober 2011**

Kuala Lumpur Para pengilang minyak sawit disaran membina loji-loji biogas bagi merancakkan pendapatan dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dalam usaha meningkatkan kebolehterimaan produk minyak sawit Malaysia, demikian menurut Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Dalam kenyataan berkenaan, MPOB berkata pendapatan yang besar dapat dijana hasil daripada penjualan elektrik, penggantian semula tempurung kelapa, program kredit karbon dan pewujudan perniagaan hiliran dalam pengilangan sawit.

**Tajuk : MANTAP AMALAN KELESTARIAN MINYAK SAWIT UNTUK TANGANI PUBLISITI NEGATIF - TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**Tarikh : Utusan Borneo Sabah, 21 Oktober 2011**

Kuala Lumpur Peserta industri sawit perlu memantapkan amalan kelestarian untuk menangani publisiti negatif terhadap industri, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa menggunakan taktik yang tidak beretika dan laporan negatif terhadap beberapa syarikat walaupun mereka melaksanakan sistem Sidang Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO).

Sehingga kini, kira-kira 10 syarikat perladangan yang telah disahkan oleh RSPO, menghasilkan dua juta tan minyak sawit mentah setahun.

**Tajuk : MALAYSIA KAJI KAEDAH TANAM SAWIT DI TANAH GAMBUT**

**Tarikh : Harian Ekspres, 7 Disember 2011**

Durban (Afrika Selatan) Malaysia masih lagi mengkaji kaedah terbaik penanaman sawit di tanah gambut dan jenis yang boleh digunakan, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Kajian itu belum lagi selesai. Kita telah melakukan banyak usaha mengenai perkara ini untuk menunjukkan kita mempunyai industri yang mengambil kira kebimbangan semua orang, katanya ketika perbincangan panel mengenai Pengurangan Perubahan Iklim Menerusi Amalan Mampan.

**Tajuk : EKSPORT PRODUK BIOJISIM LEPASI RM 300 JUTA**

**Tarikh : Utusan Sarawak, 12 Disember 2011**

Kuala Lumpur Eksport produk biojisim ke Eropah dan pelaburan rantau itu di Malaysia, khususnya dalam sektor biojisim, berpotensi melepasi paras RM 300 juta.

Ketua Perwakilan Kesatuan Eropah ke Malaysia, Vincent Piket, berkata anggaran ini diasaskan kepada pertanyaan yang diterima oleh EU daripada syarikat-syarikat Eropah melalui program biayaan EU Pengeluaran Mampan Industri Biojisim di Malaysia: Mengoptimum Potensi Ekonomi dan Menuju ke arah Rantaian Nilai Lebih Tinggi.

Bersambung ke muka surat 12

Sambungan dari muka surat 11

Tajuk : **MINYAK SAYUR MENCUKUPI**  
Tarikh : **Utusan Sarawak, 7 Disember 2011**

Durban (Afrika Selatan) Minyak sayuran yang dikeluarkan sekarang ini mencukupi bagi digunakan sebagai makanan dan bakinya boleh digunakan untuk bukan makanan, kata Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May.

Terdapat baki 10-15% bagi kegunaan bukan makanan. Kami telah membuat pengiraan, katanya pada perbincangan panel mengenai Pengurangan Perubahan Iklim Menerusi Amalan Mampan oleh Industri Minyak Sawit Malaysia.

Datuk Choo berkata, apabila bercakap mengenai minyak sayuran sebagai makanan, isu yang timbul adalah lebih kepada pengagihan dan kemampuan.

## JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 48 (2)/MEI-OGOS 2011

1. Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK).
2.
  - a. Kaedah diagnosis ladang untuk meningkatkan hasil sawit.
  - b. Penyediaan Tanah untuk Tanam Baru Sawit.
3.
  - a. Meningkatkan kesuburan tanah.
  - b. Mengurangkan hakisan tanah akibat hujan.
  - c. Memelihara persekitaran.

dan jarak tanaman ialah 15 cm x 15 cm x 15 cm.

4. Empat tahun selepas ditanam. Serangga perosak ialah ulat harimau dan teritip.
5. Mengusahakan pengangkutan laut (bot laju) dari Menumbok ke Pulau Labuan dan hasil BTS beliau adalah sebanyak 28.2 t/ha/thn.

# TAHUKAH ANDA?

## BAJA BIO-ORGANIK DARIPADA TANAH PELUNTUR TERPAKAI

Tahukah anda bahawa tanah peluntur terpakai atau *spent bleaching earth* (SBE) (*Rajah 1*) boleh digunakan untuk menghasilkan baja bio-organik yang menyuburkan tanah dan menggalakkan pertumbuhan tanaman? Tanah peluntur terpakai ini adalah sisa buangan kilang penapis minyak sawit.



*Rajah 1. Tanah Peluntur Terpakai (SBE).*

Tanah peluntur digunakan di kilang penapis minyak sawit sebagai bahan untuk menghilangkan dan menyah bahan asing seperti warna, fosfolipid dan sisa daripada minyak sawit mentah ketika pemprosesan. Tanah peluntur terpakai selalunya dibuang di tapak pembuangan selepas melalui proses rawatan. Ia boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar kesan degradasi sisa minyak di dalamnya malah berkemungkinan melepaskan gas rumah hijau yang merbahaya.

MPOB dengan kerjasama Syarikat MPV Technologies Sdn Bhd telah membangunkan teknologi penghasilan baja bio-organik daripada tanah peluntur terpakai dan sisa buangan pertanian termasuk sisa biojisim sawit seperti tandan buah kosong dan air kumbahan. Kilang yang dibangunkan di Pasir Gudang, Johor ini mengelolakan pemulihan SBE 100% melalui kaedah kompos telah menghasilkan baja bio-organik *TKJ* (*Rajah 2*) dan berjaya mengurangkan kos pengendalian SBE sebanyak RM 15 juta setahun ke kos sifar.



*Rajah 2. Baja Bio-Organik TKJ.*

Baja bio-organik *TKJ* yang dirumus mengandungi unsur nutrien dan unsur organik sebanyak 29%-35% serta pH: 5.4-6.5. Ia berkesan dalam menyuburkan tanah, menggalakkan pertumbuhan dan meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil tanaman. Baja ini mempunyai ciri seperti kapasiti pemegangan air yang tinggi, pelepasan nutrien yang berkesan dan nisbah C:N yang optimum.

Selain daripada baja bio-organik *TKJ*, terdapat juga baja *TKJ-Organiplus* yang diperkaya dengan nutrien baja kimia pada nisbah dan kandungan yang terkawal untuk mengekalkan kandungan unsur organik baja dan nutrien yang tinggi. Pelbagai baja bio-organik *TKJ* dengan kandungan NPK yang berbeza telah dirumuskan bagi memenuhi keperluan nutrien tanaman pokok sawit, getah, tebu, kayu-kayan, padi, lada hitam, sayur-sayuran dan buah-buahan, bunga dan orkid.



*Rajah 3. Baja TKJ Organiplus.*

*Bersambung ke muka surat 19*

# IKLAN

**M**POB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama Ketua Pengarah MPOB. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Nur Hanani Mansor  
(Tel: 03-8769 4257)  
nurhanani@mpob.gov.my

atau


Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin  
(Tel: 03-8769 4650)  
shuhadah@mpob.gov.my

Faks: 03-8925 9642

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bil.	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
50/2012	Jan A pr 2012	30 April 2012
51/2012	Mei Ogos 2012	31 Julai 2012
52/2012	Sep D is 2012	31 Nov 2012

## Slip Tempahan

 Ketua Pengarah MPOB  
6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor  
**U/P: Nur Hanani Mansor U nit Pengembangan dan Latihan**  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM 800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM 1920
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1000	<input type="checkbox"/> RM 2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

# DIARI & PERISTIWA

SEPTEMBER-DISEMBER 2011

Program	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta (orang)
<b>Taklimat TSSPK, TBSPK dan SKIDIC</b>	20/09/2011	Sime Darby Chenor, Sg Jerik, Maran, Pahang	136
	29/09/2011	Sime Darby Pulau Carey, Klang, Selangor	103
	19/09/2011	Ladang Mafrica Sdn Bhd, Bintulu, Sarawak	46
	21/10/2011	Stesen Penyelidikan MPOB, Kluang, Johor	87
	27/10/2011	Dewan Masyarakat Beluru, Bakong	169
	09/11/2011	Dewan Lithdaham Enterprise, Lawas	80
<b>Kursus Sehari untuk Agen Pengembangan</b>	2728/ 09/2011	FELDA Residence Tekam, Jerantut, Pahang	20
<b>Kursus Sehari Sawit</b>	20/09/2011	Dewan Tanjung Sari, Perak	45
	22/09/2011	Dewan Orang Ramai Kg Seri Perkasa, Hutan Melintang, Perak	15
	29/09/2011	Pusat Timbang BTS, Salang Emas Trading, Mukim Teloi Kanan, Baling, Kedah	45
	05/10/2011	Balai Raya Kampung Janglau, Kuala Rompin, Pahang	52
	06/10/2011	Pusat Timbang Sawit Perniagaan Padu Usaha Tapah Road, Perak	47
	11-12/10/2011	Dewan PPK Senggarang dan Dewan PPK Parit Raja, Johor	66
<b>Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit</b>	29/09/-2/10/2011	(Regatta Baram) Marudi, Sarawak	276
	19-20/11/2011	(Regatta Sibuti) Bekenu, Sarawak	163
	8/12/2011	Kinabatangan, Sabah	500
	19/12/2011	Ulu Pengeli, Johor	100
<b>Program Hello Komoditi</b>	29-30/09/2011	Dewan Dato Bahaman Shamsudin, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	200
	10/10/2011	Tawau, Sabah	400
	06/12/2011	Kuala Selangor, Selangor	500
<b>MICCOS 2011</b>	28-30/10/2011	Tapak Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor (MAEPS)	100 000
<b>Pameran Program Sehari Bersama Agensi Kerajaan</b>	12/11/2011	Padang Bola Sepak Kg Cegar Bidor, Perak	150

# Berita Bergambar



Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri MPIC (tiga dari kiri) menunjukkan alat pemotong sawit bermotor, Cantas™ di gerai pameran MPOB sempena Program Hello Komoditi di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 24 September 2011.

Pekebun kecil melawat tapak pameran MPOB sempena Kursus Sehari Sawit Zon Timur pada 5 Oktober 2011 di Balai Raya Kampung Janglau, Kuala Rompin, Pahang.



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri MPIC (tiga dari kiri) mendengar penerangan daripada Tn Hj Hamdan Abu Bakar, Ketua Unit Pengembangan dan Latihan, MPOB, sambil diperhatikan oleh Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB sempena Program Hello Komoditi Tawau, Sabah pada 10 Oktober 2011.



Dato' Hamzah Zainudin, Timbalan Menteri MPIC (dua dari kiri) menyampaikan Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil kepada pekebun kecil daerah Selama, Perak. Turut kelihatan (dua dari kanan) Tn Hj Idris Omar, Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan dan En Abd Halim Abd Hamid, Penolong Pengarah SKM Wilayah Taiping, Perak.



Datin Nurmala Omar, Ketua Setiausaha MPIC (dua dari kanan), memberi kata-kata semangat kepada peserta projek Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti (SBABB) di Asajaya, Sarawak pada 28 September 2011.

Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB (dua dari kiri) menyampaikan Cek Rayuan SITS kepada Peneroka FELDA Negeri Johor. Turut kelihatan Tn Hj Ahmad Sidek Stroo, Timbalan Ketua Pengarah (Perhidmatan) MPOB (kiri sekali) dan wakil FELDA pada 19 Disember 2011.



Peserta kursus mendengar pembentangan kertas kerja semasa Program Sehari TSSPK Sesi 2 yang diadakan di PPK Parit Raja, Johor pada 12 Oktober 2011.

Pegawai TUNAS memberi penerangan mengenai pengedaran Buah Tandan Segar (BTS) kepada peserta kursus dalam sesi pertunjukan kaedah sempena Kursus Sehari Sawit yang diadakan di Pusat Timbang Sawit Perniagaan Padu Usaha Tapah Road, Tapah, Perak pada 6 Oktober 2011.



# PROFIL KOMODITI

SEPTEMBER-DISEMBER 2011

